BAB 1

Langkah Keselamatan di dalam Makmal

MESTI BACA

Peralatan Perlindungan Diri dan Fungsinya

1. **Peralatan perlindungan diri** adalah kelengkapan yang diperlukan ketika menjalankan penyiasatan di dalam makmal.
2. Rajah berikut menunjukkan peralatan perlindungan diri pada **murid**.

3. Peralatan perlindungan diri di dalam **makmal** adalah seperti
   (a) **kebuk wasap** – untuk menjalankan eksperimen yang menggunakan bahan mudah meruap, mengakis dan berbau
   (b) **kabinet aliran laminar** – untuk mengelakkan kontaminasi semasa aktiviti berkaitan mikrobiologi
   (c) **penyiram kecemasan** – untuk membersihkan dan membilas bahagian badan yang terkena bahan kimia
   (d) **pembilas mata** – untuk membilas dan mencuci mata yang terkena bahan kimia

TIP PENTING

1. **Rujuk sisipan nota** di atas untuk menjawab soalan.
2. Anda perlu mengetahui bahawa **sarung tangan** adalah dibuat daripada **getah**.

JAWAB

KERTAS 1

1. Antara yang berikut, yang manakah perlu ditanggalkan semasa menjalankan penyiasatan di dalam makmal?
   A Jam tangan
   B Baju makmal
   C Kasut bertutup
   D Sarung tangan

2. Antara peralatan perlindungan diri berikut, yang manakah melindungi mata daripada bahan kimia yang bahaya?
   A Baju makmal **B** Topeng muka
   C Gogal **D** Sarung tangan

3. Antara peralatan perlindungan diri berikut, yang manakah dibuat daripada getah?
   A Gogal **B** Topeng muka
   C Baju makmal **D** Sarung tangan

4. Apakah peralatan perlindungan diri yang digunakan untuk membersihkan badan yang terkena bahan kimia?
   A Penyiram kecemasan
   B Kabinet aliran laminar
   C Kebuk wasap
   D Pembilas mata

5. Rajah di bawah menunjukkan satu peralatan perlindungan diri di dalam makmal.



Apakah fungsi peralatan perlindungan diri di atas?
   A Untuk membilaskan bahagian badan yang terkena bahan kimia
   B Untuk membilas dan mencuci mata yang terkena bahan kimia
   C Untuk mengelakkan kontaminasi semasa aktiviti berkaitan mikrobiologi dijalankan
   D Untuk menjalankan eksperimen yang menggunakan bahan mudah meruap, mudah terbakar, mengakis dan berbau

LIVEWORKSHEETS